

MUZIK DIKIR REBANA REMBAU
(KAJIAN KES : KAMPUNG PULAU HANYUT,
REMBAU, NEGERI SEMBILAN).

DELIA MAZUIN BT ABDUL MANAN
87689384

DIPLOMA SENI MUZIK
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

PENGHARGAAN

Bismillahir'rahmanir'rahim. Syukur ke hadrat Allah s.w.t. berkat keizinan-Nya tesis ini telah dapat disempurnakan dengan jayanya. Ini semua adalah atas dorongan dan kerjasama yang ditunjukkan dari pelbagai pihak yang telah sanggup meluangkan masa dan keinginan mereka, membantu mengekalkan nilai budaya yang masih kurang mendapat tempat di mata masyarakat.

Ribuan Terima Kasih buat ahli-ahli Kumpulan Dikir Rebana Kampung Pulau Hanyut iaitu Tuan Haji Ibrahim, Tuan Haji Abd. Ghani, Encik Abu, Encik Daya, Encik Talib, Encik Jaafar, Encik Shafiee, Encik Ismail, Cikgu Majid, Encik Suboh, Encik Ahmad, dan Encik Isnin kerana memberi peluang pada saya menghimpun salah satu dari cabang budaya yang terdapat di Malaysia.

Sekalung budi buat keluarga Encik Omar di Ampangan, keluarga Cikgu Majid di Kampung Pulau Besar dan keluarga Cikgu Basri di Kota atas keluhuran dan jasa baik yang terpamer sepanjang penyelidikan ini dilakukan.

Setinggi-tinggi penghargaan buat kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka, kakitangan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan kerana memberi kerjasama yang tidak kurang beratnya.

Buat Encik Hanafie Imam selaku penasihat tesis, terima kasih atas kesabaran beliau.

Kepada mereka-mereka yang tidak tersenarai di sini, hanya Tuhan sahajalah yang dapat membalas jasa baik anda sekalian.

Pisang emas dibawa belayar
Masak sebiji di atas peti
Hutang emas boleh dibayar
Hutang budi dibawa mati

Sekian, Terima kasih.

Delia Mazuin Bte Abdul Manan
Kursus Seni Muzik
Kajian Seni Lukis & Seni Reka
Institut Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

SINOPSIS

Muzik Dikir Rebana Rembau merupakan pilihan tajuk tesis penulis. Pengkajian terhadap muzik ini dilakukan untuk tujuan penyelidikan mengenai asal usul perkembangannya, sistem klasifikasi yang terkandung di dalam alat-alat muzik ini iaitu alat rebana dan gong. Ia juga bertujuan meninjau peranan pemuzik tradisional serta status mereka dalam masyarakat yang melibatkan kegunaan dan fungsi muzik dan hubungannya dengan sistem ekonomi, politik, sosial, agama dan sebagainya.

Kaedah yang diperolehi lebih tertumpu pada "survey", interpretasi dan menguji haipotesis. Ini termasuk sumber rujukan dari majalah tempatan, rakaman gambar, slide juga pita rakaman, serta wawancara dengan orang-orang tertentu.

Melalui penyelidikan yang menggunakan kaedah di atas, rakaman gambar mengenai sesuatu perkara mampu menerangkan sesuatu pernyataan dengan lebih jelas lagi. Setiap satu catatan itu lebih berat kepada bentuk interpretasi mengenai sejarah dan persembahan muzik dikir tersebut.

Rujukan yang diperolehi bukanlah seratus peratus mengenai muzik dikir itu tetapi lebih kepada umum dan ianya melibatkan penilaian info yang bercorak kenyataan mahu pun dari sumber lain.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

SINOPSIS

KANDUNGAN

BAB 1 PENDAHULUAN

- 1.1 Tujuan
- 1.2 Skop Penyelidikan
- 1.3 Kaedah Penyelidikan
- 1.4 Permasalahan
- 1.5 Kepentingan Penyelidikan

BAB 2 SEJARAH DAN PERKEMBANGAN

- 2.1 Sejarah Dikir Rebana
- 2.2 Sejarah Ringkas Kampung Pulau Hanyut
- 2.3 Sejarah Ringkas Kumpulan Muzik Dikir Rebana Rembau, (Kampung Pulau Hanyut)
- 2.4 Persembahan Muzik Dikir Rebana Rembau
- 2.5 Organisasi Pemain Dikir
- 2.6 Selitan Tarinai

BAB 3 ORGANOLOGI

- 3.1 Definisi Organologi
- 3.2 Sistem Klasifikasi Alat-alat Muzik
- 3.3 Klasifikasi Alat-alat Muzik Dikir Rebana Rembau
 - 3.3.1 REBANA
 - Asal-usul Rebana
 - Keterangan fizikal Rebana
 - Pembuatan Rebana
 - Perhiasan Rebana
 - Fungsi dan Teknik Permainan Rebana
 - 3.3.2 GONG
 - Asal-usul Gong
 - Keterangan fizikal Gong
 - Pembuatan Gong
 - Perhiasan Gong
 - Fungsi dan Teknik Permainan gong

BAB SATU

PENDAHULUAN

Budaya secara umum mempunyai unsur-unsur ekspresif dan instrumental. Unsur ekspresif meliputi aspek memahami alam keliling, kepercayaan manusia terhadap sesuatu dan kesan reaksi terhadapnya. Unsur instrumental pula merujuk kepada bagaimana manusia menggunakan budaya untuk mengawal alam keliling.

Timah peteri dengan besi

Dicantum dengan paku Belanda

Hukum berdiri dengan saksi

Adat berdiri dengan tanda

Sebagai sebuah negara berbilang kaum, bangsa Malaysia mempunyai pelbagai nilai dan norma yang berbeza antara satu sama lain. Namun begitu ada beberapa bidang nilai dan norma masyarakat Malaysia yang mempunyai persamaan iaitu yang bersumberkan agama, bersifat kemasyarakatan, berilmu pengetahuan dan rancangan kehidupan (planning for one's life).

Seni ada kaitannya dengan adat resam, juga nilai sosial. Perlakuan manusia yang bersifat simbolik dapat dipelajari dari budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat.